

12 SEP 1996

Anwar-Umno

JAWATANKUASA KHAS UMNO BELUM CUKUP BUKTI

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Jawatankuasa Khas Umno yang bermesyuarat semalam hanya membincangkan secara umum aduan salah laku dan politik wang membabitkan calon jawatan Naib Presiden, Ketua Pemuda dan Ketua Wanita memandangkan ketiadaan bukti atau laporan lengkap, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu tidak membincangkan kes tertentu secara terperinci.

Apabila ditanya apakah ada kes calon yang akan diberi amaran dibincangkan semalam, Anwar berkata: "Ada, tetapi kita akan umumkan bila kita buat keputusan".

Tetapi Anwar tidak menyebut nama mereka yang terlibat.

"Kita tidak boleh bertindak semata-mata mengikut laporan yang diterima tanpa meneliti lebih mendalam," kata Anwar pada persidangan berita selepas menghadiri majlis penyampaian Hadiah Bahasa di sini hari ini.

Menurutnya mesyuarat semalam mengkategorikan salah laku calon kepada dua iaitu melanggar etika kempen dan rasuah wang.

Beliau berkata mesyuarat membuat keputusan bahawa mereka yang melanggar etika kempen sebelum ini sekadar diberi amaran tetapi sekiranya salah laku itu dibuat selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Jumaat lepas, hak mereka sebagai calon akan digugurkan, malahan mereka boleh dipecat daripada parti.

"Kesalahan yang melibatkan rasuah wang akan dikenakan tindakan gugur keanggotaan dan pemecatan tanpa mengira ia dilakukan sebelum atau selepas mesyuarat MT Jumaat lepas," kata Anwar.

Timbalan Perdana Menteri berkata Dr Mahathir berpendapat semua kes wajar diteliti tanpa mengira adanya bantahan bertulis atau tidak.

"Kita mengulangi pendirian bahawa amaran salah laku adalah untuk semua calon dan perwakilan. Tindakan keras akan diambil tanpa mengira kedudukan mereka dalam kerajaan mahupun dalam parti," katanya.

Anwar juga berkata beliau menerima banyak pertanyaan berhubung program yang sudah diatur tetapi perlu dibatalkan.

Katanya mereka yang tidak pasti berhubung status program boleh merujuknya kepada Presiden parti, dan semasa ketiadaan Presiden, ia boleh dirujuk kepada Timbalan Presiden.

"Umumnya kerja biasa yang melibatkan kerajaan bolehlah diteruskan. Cuma program yang melibatkan parti atau program yang baru diatur harus dibatalkan," katanya.

Anwar berkata larangan kempen oleh Majlis Tertinggi kini menunjukkan kesan positif kerana banyak calon tidak lagi menghadiri majlis tertentu.

Katanya penggunaan kad-kad ucapan dan iklan juga tidak dibenarkan.

Selain Dr Mahathir, Anwar dan Setiausaha Agung Datuk Mohamed Rahmat, dua tokoh veteran parti turut menghadiri mesyuarat itu iaitu Tan Sri Mustafa Jabar dan Tan Sri Samad Idris. Seorang lagi anggota jawatankuasa Tan Sri Azahari Taib tidak dapat hadir. -- BERNAMA

MOK HT MAI